

HARI INTERAKSI KELUARGA MCG 2015

Penulis: Arif Mandangan

Bagi mengeratkan silaturahim serta interaksi sesama pelajar-pelajar baharu dan pelajar-pelajar lama Program Matematik dengan Grafik Berkomputer, kelab pelajar MCG iaitu Graphics And Mathematics Association (GAMmA) telah menganjurkan MCG Interactive Family Day 2015 pada 18 Oktober 2015 bertempat di Tasik Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS bermula pukul 3 petang. Program ini merupakan gabungan Hari Interaksi MCG dan Hari Keluarga MCG. Program ini turut diserikan lagi dengan kehadiran Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa Fakulti Sains dan Sumber Alam, Prof. Madya Dr. Abdullah Bade bersama para pensyarah Program MCG yang lain. Bagi mencapai objektif yang telah digariskan, pelbagai aktiviti sukaneka berbentuk interaksi telah diadakan. Sambutan hari lahir pensyarah dan pelajar Program MCG juga turut diraikan. Majlis diakhiri dengan jamuan makan dan sesi bergambar. Semoga interaksi sesama pelajar dan pensyarah akan terus akrab pada masa akan datang.

